

## **PENDEKATAN WASATIYYAH DALAM KERANGKA AL-TA'AYUSH MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN**

Muhammad Ikhlas Rosele, Abdul Karim Ali, Muhammad Safwan Harun & Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain<sup>1</sup>

### **Abstrak**

Masyarakat di Malaysia merupakan masyarakat majmuk yang meliputi pelbagai latar belakang agama dan budaya. Justeru, interaksi umat Islam dalam menyebarkan dakwah dan memperkasakan Islam sudah tentu berbeza sesuai dengan realiti yang dihadapi. Hidup bersama dengan masyarakat beragama lain boleh dikonseptkan sebagai *al-ta'ayush*. Kajian ini akan mengkaji pendekatan wasatiyyah terhadap *al-ta'ayush* di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana data-data perpustakaan digunakan sepenuhnya. Data tersebut kemudiannya dianalisis secara induktif dan deduktif. Hasil kajian menyenaraikan beberapa pendekatan *wasatiyyah* yang perlu diberi perhatian dalam hidup bersama dengan masyarakat beragama lain (*al-ta'ayush*) khususnya dalam konteks Malaysia. Perkara ini juga boleh dianggap sebagai suatu bentuk kearifan tempatan dalam hidup bermasyarakat di Malaysia. Hal ini menjamin kesejahteraan dan keharmonian kehidupan di samping menegakkan syiar Islam.

**Kata kunci:** *Wasatiyyah, al-ta'ayush, masyarakat majmuk, budaya.*

---

<sup>1</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
Emel: ikhlas@um.edu.my

## **MODERATION APPROACH ON THE FRAMEWORK OF AL-TA'AYUSH TOWARDS PLURAL SOCIETY IN MALAYSIA: A REVIEW**

### **Abstract**

Malaysian society is a pluralistic society that embraces a wide range of religious and cultural backgrounds. Thus, the interaction of Muslims in spreading the preaching and empowering of Islam is certainly different in accordance with the reality faced. Living together with other religious communities can be considered as al-ta'ayush. This study will review the wasatiyyah approach to al-ta'ayush in Malaysian society. This study uses a qualitative approach in which library data is used in full. The data were then analyzed inductively and deductively. The results of this study list some of the wasatiyyah approaches that should not be taken for granted in living with other religious communities (al-ta'ayush) especially in the Malaysian context. This can also be considered as a form of local wisdom in Malaysian society. This guarantees the well-being and harmony of life while upholding Islamic law.

**Keywords:** *Wasatiyyah, al-ta'ayush, plural society, culture.*

### **PENGENALAN**

Manusia itu secara tabiinya hidup bermasyarakat sehingga dikatakan mustahil untuk mereka hidup tanpa lingkungan masyarakat. Dalam hidup bermasyarakat itu pasti mempunyai system aturan dan undang-undang yang mengawal. Sistem dan perundangan itu wujud untuk memastikan kehidupan dan interaksi dalam keadaan harmoni dan mempunyai batas-batas tertentu. Asas kepada system dan perundangan ini sama ada bersumberkan manusia itu sendiri melalui pengalaman dan adat ataupun daripada wahyu yang disebut sebagai syariat atau undang-undang Tuhan (Zaydan, 2009).

Jadi kehidupan bermasyarakat tidak terlepas daripada aturan syariat dan perundangan. Begitu juga halnya dalam kehidupan masyarakat majmuk. Sistem dan aturan syariat sewajarnya menjadi rujukan dalam menangani sebarang isu kemasyarakatan tidak kira apa jua bentuk masyarakat sekalipun. Pendekatan wasatiyyah dan kefahaman fiqh al-ta'ayush antara rujukan teori penting dalam berinteraksi dan memelihara kehidupan masyarakat majmuk. Oleh kerana itu, kajian ini cuba mengutarakan pendekatan wasatiyyah terhadap fiqh al-ta'ayush dalam masyarakat di Malaysia.

Kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia adalah berasaskan tiga (3) aspek utama iaitu bangsa, agama dan budaya. Dari sudut bangsa Malaysia terdiri daripada 3 bangsa utama iaitu Melayu, Cina dan India. Namun begitu terdapat bangsa lain yang bersifat minoriti dan juga suku kaum yang merupakan pecahan daripada 3 bangsa tersebut seperti Melayu Bugis, Minang, Jawa, Cina Peranakan, Iban, Dayak

dan sebagainya. Dari sudut agama pula, terdapat juga 3 agama yang penganutnya adalah majoriti di Malaysia iaitu Islam, Budha dan Hindu, agama Kristian juga dilihat sebagai satu agama yang besar penganutnya. Agama dan kepercayaan lain seperti sikh dan aminisme dianggap sebagai anutan minoriti.

Budaya juga merupakan aspek penting dalam mencerminkan kemajmukan masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana budaya ini menjadi pemisah kepada identiti sesuatu bangsa, etnik, puak, suku dan agama. Justeru itu, meraikan setiap budaya yang wujud juga merupakan satu cabaran dalam menjamin keharmonian negara Malaysia. Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia hakikatnya bersandarkan sejarah yang panjang, bermula dari kegiatan imperialism dan penjajahan barat ke Tanah Melayu, penjajahan Jepun, pembentukan Malayan Union (1946) dan pembentukan persekutuan Tanah Melayu (1948).

Realiti kemajmukan masyarakat di Malaysia tidaklah boleh dipandang dari aspek keunikan dan kepelbagaian semata-mata. Kerana aspek sejarah pembentukan masyarakat majmuk tersebut juga mewujudkan beberapa konflik besar dan kerenggangan. Telah banyak usaha kerajaan dalam mewujudkan perpaduan masyarakat di Malaysia namun masih belum boleh dikatakan berjaya. Masih banyak isu-isu yang timbul dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia yang melibatkan aspek perkauman dan keagamaan. Aszlan dan Mohamad Iszuan menyenaraikan beberapa aspek utama kesenjangan masyarakat majmuk di Malaysia, antaranya;

1. Politik: hal ini jelas apabila terbentuknya beberapa parti politik yang bersandarkan keada etnik atau kaum, agama dan ideologi. Hal ini pada asasnya bukanlah sesuatu yang negatif keseleruhannya, namun apabila parti-parti yang ditubuhkan lebih mengutamakan tuntutan kaum dan ideologinya berbanding kepada dasar yang lebih bersifat nasional menjadi babit utama kerenggangan.
2. Ekonomi: Dasar pecah dan perintah yang dibawa oleh British ini menjadi punca kepada realiti kehidupan masyarakat di Malaysia. Orang Melayu terpinggir dari arus kemajuan dan pembangunan dan perlu berusaha keras untuk menguasai ekonomi di Malaysia. Manakala kaum cina telah mendapat tempat di bandar dan menjadi penguasa ekonomi, dan kaum india menjadi pengusaha estet. Kesan dasar ini berlanjutan sehingga selepas kemerdekaan dan menjadi antara faktor tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969.
3. Sosial: isu kesenjangan yang jelas adalah dalam sector pendidikan apabila melibatkan sekolah vernacular dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar. Perkara ini menjadi pertikaian dan polemic yang masih belum dapat diselesaikan.

Mohd Anuar, et. al. (2018) pula menyenaraikan beberapa isu yang melibatkan interaksi masyarakat majmuk di Malaysia. Isu-isu tersebut adalah seperti;

1. Status Islam sebagai agama rasmi persekutuan.
2. Mencabar hak keistimewaan Melayu dalam perlombagaan
3. Mempersoalkan kedudukan institusi beraja
4. Mempertikai fungsi institusi Islam seperti JAKIM, dan menstrukturkan semula agensi Islam.
5. Mencabar kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Teks edaran dalam Bahasa Mandarin dan Tamil
6. Menuntut supaya Universiti Teknologi MARA (UiTM) supaya dibuka untuk semua kaum.

Isu-isu tersebut adalah di samping isu yang melibatkan konflik agama seperti penggunaan kalimah Allah, isu terjemahan Bible, murtad dan hak penjagaan anak dalam kes salah seorang pasangan memeluk Islam. Menurut Siti Khatijah & Fadzli (2017), semakin tinggi tahap sensitiviti yang ditimbulkan semakin tinggi isu perpaduan kaum ditimbulkan dalam masyarakat. Kajian tersebut secara tidak langsung membuktikan hubungan signifikan keagamaan dan interaksi masyarakat. Justeru, dalam menangani atau setidaknya mengawal fenomena ini menjadi lebih parah satu pendekatan yang komprehensif perlu dilaksanakan. Kajian ini cuba mengemukakan pendekatan wasatiyyah dan fiqh al-ta'ayush.

### Pendekatan Wasatiyyah

Konsep wasatiyyah dalam artikel ini akan terfokus kepada satu ayat utama iaitu surah al-Baqarah, 2: 143. Bagi ayat pertama Allah SWT berfirman;

وَكَذِلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لَتُكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونُ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۝ وَمَا جَعَلْنَا الْبَيْلِهَ الَّتِي كُنْتُ عَلَيْهَا إِلَّا لِتَعْلَمَ مَنْ يَتَبَيَّنُ الرَّسُولُ مِنْ يَقْتَلُهُ عَلَى عَقْبَيْهِ ۝ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۝ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضَعِّفَ بِإِيمَانِكُمْ ۝ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ (143)

Yang bermaksud; Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engku mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tada (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman).

Ibn Kathir (2000) menjelaskan bahawa maksud umat pertengahan adalah yang terpilih, terbaik dan pemurah. Justeru ayat ini menunjukkan bahawa umat Islam adalah merupakan syariat yang paling sempurna, jalan dan manhaj yang lurus serta mazhab yang paling tepat. Al-Maraghi (1946) pula menjelaskan bahawa Allah SWT menyatakan bawah kaum muslimin itu adalah umat pertengahan iaitu yang paling baik dan adil. Tidak melampau dalam mengetatkan dan melampau dalam melonggarkan sesuatu perbuatan dan tindakan. Agama Islam sebagai penegak yang hak rohani dan jasmani, dan diberikan orang Islam itu keseluruhan hak-hak kemanusiaan.

Justeru, makna wasatiyyah adalah merujuk kepada pendekatan yang terbaik, adil, sederhana dan seimbang. Dari perseptif yang lebih luas ialah syariat yang diturunkan Allah membawa nilai wasatiyyah. Oleh itu, jika ia boleh dipatuhi maka pendekatan kesederhanaan dan keseimbangan dapat diterapkan dalam masyarakat.

Rahimin Affandi, et.al. (2013) cuba merumuskan konteks kefahaman ayat dalam surah al-Baqarah, 2: 143 dengan kefahaman yang semasa. Penjelasan beliau adalah;

1. Umat yang mengamalkan sikap pertengahan, tidak seperti bangsa Yahudi yang mengambil pendekatan yang keras dan bangsa Nasrani yang mengambil pendekatan terlalu pasif dan lembut dalam segenap perkara.
2. Nisbah pertengahan yang membezakannya dengan golongan etis (tidak percaya tuhan) dan golongan *polyties* (percaya kepada tuhan yang banyak)
3. Nisbah pertengahan yang menyebabkan mereka mampu bertindak adil sehingga boleh menjadi saksi dan hakim bagi mengadili kedudukan umat yang lain.
4. Umat yang tidak mengamalkan pendekatan *Ifrat* yang bermaksud melampau ketat, keras, ekstrem, *tasyaddud*. Sementara tafrit pula terlalu longgar, terlampaui mengambil mudah, cuai, *taqsir*, dan *tasahul*.

Dari perspektif sunnah Nabi SAW, didapati himpunan hadis-hadis Nabi secara kefahamannya menjelaskan prinsip wasatiyyah, keadilan dan keseimbangan. Rumusannya adalah seperti berikut (al-Sudays, 2017);

1. Larangan Nabi SAW dari sifat berlebihan, ghuluw dan melampau (*al-mutanatti'un*)
2. Nabi diutuskan dengan peribadi yang baik dan berakhlik, membawa misi menyempurnakan akhlak.
3. Menjauhi dari sikap melampau antara mengetatkan atau terlalu lunak (melonggarkan). Kerana sebaik-baik perkara yang berada di tengah-tengahnya.

## Konsep al-Ta'ayush

Perkataan *al-ta'ayush* yang berasal dari perkataan *al-'aysh* iaitu hidup (Ibn Manzur, t.t) membawa makna secara literal adalah hidup bersama atau kewujudan bersama. *Al-Ta'ayush* memberi makna berkongsi atau perkongsian (al-Makudi, 1996). Justeru itu dapat difahami bahawa kalimah *al-ta'ayush* ini adalah membawa maksud perkongsian hidup atau hidup dalam suasana berkongsi dan kebersamaan.

Dari sudut istilah pulah Badr al-Hussayn menjelaskan *al-ta'ayush* dengan membawa tiga bentuk pengertian iaitu (al-Hussayn, 2017);

1. Hubungan tindakan dalam keadaan yang berkongsi antara pelbagai kumpulan dengan matlamat untuk memperolehi kebaikan dan berkongsi manfaat dalam suasana saling menghormati dan berkasih sayang.
2. Mempelajari untuk hidup berkongsi dan menerima perbezaan yang mengandungi elemen positif dalam hubungan bersama yang lain.
3. Meraikan budaya manusia, memelihara hak-hak kemanusiaannya, meletakkan visi keadilan demi masa depan setiap komponen masyarakat serta menyempurnakan tanggungjawab kebudayaan, ekonomi. Kemasyarakatan dan politik.

*Al-Ta'ayush* ini hakikatnya dibincangkan dari pelbagai maksud yang hampir sama seperti *al-tasākun*, *al-ta'awun*, *al-wujud al-multazimin* dan *al-taqarrub*. Ia juga boleh dilihat dari perspektif yang pelbagai seperti *al-ta'ayush al-dini* (hidup bersama dalam konteks beragama), *al-ta'ayush al-silmi* (hidup bersama menggapai kesejahteraan) dan seumpamanya.

Justeru perbincangan *al-ta'ayush* melibatkan perbuatan berkait hubungan hidup bersama orang bukan Islam. Kajian ini akan menjurus kepada pendekatan yang seimbang dalam bermasyarakat dengan orang bukan Islam selari dengan realiti masyarakat majmuk di Malaysia.

## Pendekatan Wasatiyyah dalam al-Ta'ayush di Malaysia

Daripada dua konsep yang telah dijelaskan iaitu konsep wasatiyyah dan *al-ta'ayush*. Dapat difahami bahawa ia merupakan satu pendekatan yang boleh digabung jalinkan dalam membincangkan aspek interaksi dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Al-Ta'ayush* menyediakan garis panduan kasar dalam berinteraksi dengan masyarakat bukan Islam, manakala pendekatan wasatiyyah dijadikan atas pertimbangan utama dalam perlaksanaan interaksi tersebut.

Dalam melaksanakan hubungan bermasyarakat dengan bukan Islam perlu dilihat dari dua aspek pertama aspek kemanusiaan dan kedua aspek keagamaan dan akidah. Dalam aspek akidah, Islam telah menggariskan prinsip yang jelas dan tidak boleh digadaikan kerana semata-mata toleransi dan menjaga hubungan. Ia dilihat lebih ketat. Walaupun begitu, aspek hikmah dan kebijaksanaan masih tetap diutamakan dalam menyelesaikan konflik yang berkait dengan akidah dan ketuhanan.

Manakala dari aspek kemanusiaan, sikap keterbukaan, kerjasama dan toleransi perlu diterapkan terutamanya dalam misi membangunkan negara. Muhammad Nidzam

(2019) menyenaraikan beberapa prinsip dalam hubungan dengan orang bukan Islam, ringkasnya;

1. Tidak menghina mana-mana kaum (al-Hujurat, 49: 11)
2. Berbuat baik atas dasar kemanusiaan seperti memberi bantuan dan pertolongan
3. Sikap memuliakan jiran dan tetamu walaupun mereka bukan Islam
4. Saling berkenalan dan melakukan pergaulan yang baik
5. Tidak mencela agama dan tuhan-tuhan mereka demi memelihara kehormatan dan martabat agama Islam (al-An’am, 6: 108)
6. Berlaku adil, berpegang kepada undang-undang dan berpegang kepada janji
7. Memahami bahawa tedapat perlbagai pandangan fiqh dalam sesuatu isu yang boleh dirujuk bagi menyelesaikan isu antara kaum dan agama.

Namun begitu, dalam konteks Malaysia beberapa penekanan perlu diutarakan. Ini kerana realiti masyarakat majmuk di Malaysia mempunyai aspek yang sedikit berbeza daripada kefahaman dalam konteks yang umum. Penekanan yang perlu diberikan adalah;

1. Memahami sejarah Malaysia, pembentukan Malaysia, penjajahan, kedudukan orang Melayu, sejarah perkembangan Islam, laporan Suruhanjaya Reid 1956-1957, dasar pecah dan perintah, kontrak sosial, perjuangan kemerdekaan dan seumpamanya. Hal ini secara umum dapat menjelaskan identity masyarakat Malaysia yang lebih khusus.
2. Memahami perlumbagaan persekutuan, khususnya dalam aspek kedudukan Islam (Shamrahyu, 2018) dan keistimewaan hak orang Melayu dalam Pekara 153 Perlumbagaan Persekutuan (Ayu Nor Azilah, et. al., 2019). Mendalami latar belakang dasar-dasar yang pernah dilaksanakan kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan seumpamanya.
3. Menghormati kedaulatan Yang Di-Pertuan Agong serta mengiktiraf kedudukannya seperti yang termaktub dalam Perlumbagaan Persekutuan serta Raja-Raja Melayu yang lain. Di samping itu, sikap menghormati dan mematuhi undang-undang yang diguna pakai di Malaysia.

Jika kesemua perkara tersebut diberi perhatian, maka sikap toleransi dan kerjasama yang era antara kaum di Malaysia dapat dipertahankan. Antara perkara penting yang perlu diketahui, pada dasarnya kerangka Islam telah menyediakan kaedah berinteraksi dan bermasyarakat dengan bukan Islam. Muhammad Ali Jumu’ah (2018) telah menjelaskan dalam sejarah perkembangan hukum Islam telah menyaksikan 4 model bermasyarakat dengan orang bukan Islam, iaitu;

- |               |  |
|---------------|--|
| Model Mekah   | : Realiti orang Islam adalah minoriti dalam suasana yang konflik           |
| Model Habshah | : Realiti masyarakat Islam yang minoriti dalam suasana yang adil dan telus |

Model Madinah fasa 1	: Realiti masyarakat Islam majoriti yang hidup dalam masyarakat yang pelbagai dari sudut bangsa dan agama
Model Madinah fasa 2	: Realiti masyarakat muslim yang dominan dan berkuasa.

Justeru, contoh bermasyarakat dengan bukan Islam bahkan model wasatiyyah yang berkait dengan masyarakat majmuk adalah merujuk kepada empat model tersebut. Dalam setiap model itu menunjukkan bagaimana bermualamat dengan orang bukan Islam, menguasai pasar dan memajukan ekonomi orang Islam, mempertahankan negara dari ancaman luar, perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai, pemeliharaan hak kafir zimmi, perlaksanaan system cukai, kharja, ‘usyur dan zakat serta sebagainya.

## KESIMPULAN

Hakikatnya, konsep wasatiyyah yang membawa semangat kesederhanaan dan keseimbangan adalah sesuatu yang jelas di dalam Islam. Hal ini, diamati bahawa para intelektual Islam sudah menitik beratkan aspek ini dalam membentuk hukum dan undang-undang. Tinggal lagi adalah untuk menyesuaikan dengan realiti semasa. Kesederhanaan dan keseimbangan akan diperolehi jika kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah, merujuk kepada pandangan para Ilmuan Islam serta memelihara prinsip, objektif dan dasar-dasar Syariah. Realiti masyarakat majmuk di Malaysia adalah berbeza dengan negara lain, oleh kerana itu pertimbangan dan kayu ukur berinteraksi dengan orang bukan Islam adalah sedikit berbeza.

## RUJUKAN

- Al-Hussayn, B. (2017). *al-Ta‘āyush Min Ajli al-Salam*. Riyadh, Arab Saudi: al-Malik ‘Abd al-‘Aziz li al-Hiwar al-Wataniy.
- Al-Makudi, A. R. A. (1996). *Syarh al-Makudi ‘ala Alfiyah fi ‘Ilmi al-Saraf wa al-Nahwu*. Bayrut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Al-Qahirah: Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Shīrāzī, I. A. (2012). *al-Luma’ fi Usul al-Fiqh*. Bayrut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sudays, ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-‘Azizi (2017). *Bulugh al-Amal fi Tahqiq al-Wasatiyyah wa al-I’tidal*. Al-Riyadh: Madar al-Watan.
- Aszlan S. & Mohamad Iszuan S. (2016). Penilaian Faktor-faktor Kesenjangan Etnik di Malaysia sebagai Penghalang Perpaduan Nasional. *Jurnal Kinabalu*, 19: 77-93.
- Ayu Nor Azilah M., et. al. (2019). Perlembagaan Persekutuan Malaysia Mengharmonikan Ikatan Masyarakat Majmuk di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 2 (1): 60-74.
- Ibn Kathir, Ismail (2000). *Tafsir al-Qur'an al-‘Azim*. Jizah: Muassasah al-Qurtubah.

*Pendekatan Wasatiyyah Dalam Kerangka Al-Ta'ayush  
Masyarakat Majmuk di Malaysia: Satu Tinjauan  
Muhammad Ikhlas Rosele, Abdul Karim Ali, Muhammad Safwan Harun  
& Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain*

- Mohammad Nidzam A. K. (2019). “Prinsip-Prinsip Shariah dalam Hubungan Antara Muslim dan Non-Muslim”. Dalam *Citra Dakwah Fiqh al-Ta’ayush dan Cabaran Semasa*, hh. 1-22, Baharom K., et. al. (eds.). Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohd Anuar R., et. al. (2018). “Isu-Isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (Pru14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan”. Dalam *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*, hh. 1-12. Mohd Yakub @ Zulkifli M. Y., Mohd Roslam M. N. & Khadher A. (eds.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.
- Muhammad ‘Ali Jumu’ah (2018). *Al-Ta’ayush ma’a al-Ākhar fī Daw’ al-Sīrah al-Nabawiyyah: al-Asas wa al-Maqāṣid*. Al-Qahirah: Buruj Books.
- Rahimin Affandi A. R., Wan Zailan Kamaruddin W. A., Badlihisyam M. N. & Muhammad Ikhlas R. (2013). “Islam Dan Pembaharuan Mengikut Islam Liberal: Analisis Mengikut Paradigma Wasatiyyah,” hh. 133-156. Dalam *Proceedings of International Conference On Wasatiyyah In The Qur'an And Sunnah And Its Contemporary Applications In Kingdom Of Saudi Arabia And Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran wa al-Hadith.
- Shamrahayu A. A. (2018). *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Siti Khadijah Y. & Fadzli A. (2017). “Sensitiviti Agama Dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum Di Malaysia.” Dalam *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, Rahimah E. et. al. (eds.). Terengganu: UNISZA.
- Zaydan, Abd al-Karim (2009). *Al-Madkhal li Dirasah al-Syari’ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu’asasah al-Risalah.